



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Fail Rujukan:

Pejabat Kesihatan Daerah

.....

.....

.....

No. Telefon:

Kepada:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

.....

.....

Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]

Bahawasanya Tuan / Puan telah dikenalpasti sebagai kontak terdekat kepada seorang yang telah disahkan dijangkiti penyakit berjangkit COVID-19 dan berkemungkinan Tuan / Puan telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko jangkitan itu. Maka, menurut seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh memerintahkan Tuan / Puan untuk menjalani pengawasan dan pemerhatian di mana-mana tempat yang difikirkannya patut sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

2. Bagi menjalankan kuasa di bawah Seksyen 15(1) Akta 342, saya, pegawai diberikuasa memerintahkan Tuan / Puan untuk berada di bawah pengawasan dan pemerhatian di rumah seperti alamat di atas dengan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di 'Lampiran A'.

3. Sepanjang tempoh Tuan / Puan diletakkan di bawah pengawasan dan pemerhatian, Tuan / Puan adalah dikehendaki mematuhi segala perintah yang ditetapkan dan memantau kesihatan diri menggunakan borang (*Home Assessment Tool*) yang diberi bersama ini. Kegagalan Tuan / Puan untuk mematuhi perintah ini, sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 24 Akta 342.

Pegawai Yang Diberikuasa	
Nama :	
Jawatan :	
Tarikh & Masa :	
Pengesahan Menerima Sesalinan Perintah oleh Kontak yang Diletakkan di Bawah Pengawasan	
Nama :	
No. Kad Pengenalan :	
Tarikh & Masa :	
Tandatangan :	

Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman Bagi Kontak Jangkitan COVID-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

Tindakan Yang Perlu Dilakukan Semasa Dalam Tempoh Pemerhatian Dan Pengawasan

A. Tinggal Di Rumah Kediaman Beralamat Di Atas

- i. Hendaklah tinggal di rumah kediaman seperti di alamat yang dinyatakan sepanjang masa bermula dari hingga
- ii. Anda dikehendaki mengasingkan diri daripada ahli keluarga yang lain, umpamanya berada di bilik yang berasingan. Sekiranya perlu berinteraksi dengan ahli keluarga, anda dikehendaki untuk memakai penutup mulut dan hidung (*mask*).
- iii. Aturkan dengan waris / saudara mara / rakan untuk membeli keperluan harian.
- iv. Jika anda terpaksa pergi ke suatu tempat kerana tidak dapat ditangguhkan, sila hubungi dan dapatkan nasihat daripada Pegawai Kesihatan Daerah di nombor telefon:
- v. Jika anda memerlukan bantuan mengenai keperluan harian, sila hubungi nombor telefon:
- vi. Elakkan daripada berhubung secara dekat dengan ahli-ahli keluarga / rakan-rakan. Sekiranya saudara mara, sahabat handai menziarahi anda – adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mencatatkan nama, nombor telefon dan tarikh kunjungan mereka.
- vii. Pasangan, anak-anak, adik beradik atau mana-mana individu lain yang tinggal serumah tetapi TIDAK dikenakan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah adalah BEBAS untuk melakukan aktiviti seharian mereka.
- viii. Anda hanya akan diberi pelepasan oleh Pejabat Kesihatan daerah (PKD) daripada menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian dirumah selepas 14 hari dari tarikh akhir anda terdedah kepada kes yang disahkan COVID-19.

B. Periksa Gejala Jangkitan

- i. Periksa suhu badan setiap hari dan keadaan ini perlu dipantau selama EMPAT BELAS (14) hari bermula dari tarikh
- ii. Penutup mulut dan hidung (*mask*) hendaklah dipakai sepanjang masa jika anda demam atau batuk sebelum bantuan perubatan tiba.
- iii. Jika anda mengalami mana-mana gejala dan tanda seperti berikut, **SEGERA** hubungi Pegawai Kesihatan Daerah di nombor telefon: untuk tindakan selanjutnya:
 - a. Kesukaran bernafas –tercungap-cungap, pernafasan menjadi laju atau warna bibir bertukar menjadi kebiruan
 - b. Batuk berdarah

- c. Sakit dada yang berterusan
- d. Demam yang berpanjangan sehingga melebihi 3 hari atau demam yang berulang semula selepas 3 hari

C. Amalkan Kebersihan Diri

- i. Sentiasa amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*), terutamanya selepas batuk atau bersin.
- ii. Amalkan adab batuk yang baik. Tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila anda batuk dan bersin. Sejurus selepas itu, buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah bertutup.
- iii. Dapatkan pengudaraan yang baik di dalam rumah.
- iv. Bersihkan permukaan dan objek yang mungkin dicemari dengan kahak, cecair batuk/bersin atau bendalir serupa yang keluar dari hidung atau mulut dengan menggunakan bahan cucian seperti *chlorox*. Bancuhan yang disyorkan ialah 1 bahagian *chlorox* kepada 50 bahagian air.

D. Perkara-Perkara Yang Dilarang

- i. Menanggalkan penutup mulut dan hidung (*mask*) apabila dikunjungi oleh waris atau tetamu.
- ii. Meninggalkan rumah kediaman beralamat di atas bagi tujuan membeli belah, bersiar-siar ke padang permainan atau ke tempat awam.

- E. Salinan surat ini boleh dikemukakan kepada majikan sebagai bukti arahan perintah pengawasan & pemerhatian di rumah kediaman. Bersama ini disertakan juga panduan pengendalian isu-isu berhubung wabak berjangkit termasuk novel coronavirus di tempat kerja oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.

PERINGATAN

Pemeriksaan mengejut akan dilakukan bagi memastikan perintah-perintah di atas dipatuhi dan kegagalan mematuhi perintah-perintah di atas boleh menyebabkan tindakan mahkamah dikenakan ke atas Tuan/Puan.